

22/02/2003

Wanita Pertama bincang perdamaian sejagat

PUTRAJAYA: Dialog Wanita Pertama membabitkan isteri pemimpin Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Isnin ini akan membincangkan mengenai pentingnya keamanan dan menyebarkan mesej kepada pemimpin dunia bahawa keamanan global lebih berfaedah daripada perang.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata satu kertas kerja mengenai kesan positif keamanan akan dibentangkan pada dialog itu.

"Kita akan menggalakkan semua yang hadir untuk memberi sokongan penuh dan menganjur serta mempromosikan kebaikan, keamanan dan kedamaian sesuatu negara kerana kebaikan itu akan dirasai wanita itu sendiri dan kanak-kanak," katanya.

Beliau memberitahu demikian sebelum dialog bertemakan 'Melabur Dalam Keamanan' yang akan diadakan sebagai acara sampingan Sidang Kemuncak NAM ke-13.

Dialog itu akan dihadiri sekurang-kurangnya 24 isteri pemimpin dan ketua delegasi NAM. Dijangka turut hadir ialah isteri menteri luar dan duta yang berpejabat di sini.

Mesyuarat peringkat menteri NAM bermula hari ini sebelum sidang kemuncak pada Isnin dan Selasa ini.

Dr Siti Hasmah berkata mesyuarat isteri pemimpin itu akan memberi tumpuan terhadap kesan keamanan yang baik dan positif, yang didapati daripada sebuah negara aman damai.

"Kami akan menyuarakan keprihatinan kami mengenai isu itu dan apa yang kami akan tekankan ialah keamanan adalah lebih berharga bagi manusia terutama wanita dan kanak-kanak berbanding perang," katanya.

Mengenai jangkaan hasil dialog itu, Dr Siti Hasmah berkata:

"Saya tidak mahu katakan yang kami menaruh harapan tinggi bahawa dengan dialog ini, resolusi dan perbincangan kami, akan dapat menghentikan peperangan di mana-mana.

"Tetapi sekurang-kurangnya (kami mahu) menyokong dan membawa kesedaran kepada para pemimpin, suami mereka, mengenai apa yang dirasai dan disuarakan oleh kaum wanita di seluruh dunia."

Dr Siti Hasmah menyatakan harapan bahawa hasil dialog itu akan dikemukakan kepada bakal pengerusi NAM, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami berharap beliau dapat memasukkan sebaris dua ayat dalam kenyataannya untuk menyatakan bahawa kami, Wanita Pertama, telah menyuarakan kebimbangan kami mengenai peperangan dan perlunya keamanan diwujudkan di dunia," katanya.

Mengenai sama ada isu sosio-ekonomi, kanak-kanak dan wanita akan dibincangkan pada sidang kemuncak NAM, Dr Siti Hasmah berkata pergerakan itu, yang berupa forum politik negara membangun, mempunyai agendanya sendiri.

Beliau berkata Wanita Pertama pastinya mahukan pemimpin NAM untuk menyentuh isu-isu wanita dan kanak-kanak seperti kemiskinan dan HIV/Aids di negara membangun.

Sementara itu, cadangan Malaysia supaya isu gender dan perwakilan wanita dalam setiap delegasi Sidang Kemuncak NAM dimasukkan sebagai salah satu perenggan dalam Dokumen Akhir, akan dibawa ke Mesyuarat Peringkat Menteri

Naib Pengerusi Badan Perhubungan Antarabangsa Wanita Barisan Nasional (IRC), Datuk Dayang Mahani Raffae, yang menjadi pemerhati mesyuarat pegawai kanan berkata, cadangan itu dikemukakan oleh wakil Malaysia pada

mesyuarat jawatankuasa Ekonomi dan Sosial, semalam.

Katanya, pihaknya gembira dengan pencapaian itu, yang sebelum ini dibantah dua negara kerana kesilapan teknikal berhubung bagaimana wanita boleh berperanan sebagai wakil dalam sesebuah delegasi.

"Bagaimanapun, apabila penjelasan dibuat iaitu seorang wanita disyaratkan sebagai wakil, cadangan itu diterima dan disokong," katanya ketika ditemui.